KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **27 MAC 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian
HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 2



*Armizan mempengerusikan mesyuarat bersama Bahagian Penguat Kuasa KPDN untuk memuktamadkan persiapan penguatkuasaan larangan pembelian dan penjualan RON95 kepada kenderaan asing, di Kuala Lumpur.*
(Foto ihsan KPDN)

# Larangan beli, jual RON95 kenderaan asing diperluas

## Kesalahan bukan hanya stesen minyak tetapi turut babit pemandu, pemilik kenderaan luar

**Oleh Suzalina Halid**
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penguatkuasaan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 bagi kenderaan berpendaftaran asing akan diperluas mulai bulan depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata langkah itu satu pengukuhan kepada undang-undang sedia ada yang sebelum ini hanya meletakkan kesalahan kepada pengusaha stesen minyak.

"Berkuat kuasa 1 April 2026, kesalahan ini akan turut mencakupi pemandu atau pemilik kenderaan yang berpendaftaran asing," katanya menerusi hantaran di media sosial semalam.

Armizan berkata, penguatkuasaan itu susulan keputusan yang beliau bentang di Parlimen pada 29 Januari lalu.

Beliau berkata, agenda penguatkuasaan akan diperkasa melalui pelaksanaan Op Tiris 4.0 (Bersepadu) bagi memastikan pematuhan peraturan serta membanteras penyeludupan dan penyelewengan subsidi bahan api, khususnya di sempadan susulan ketegangan konflik Asia Barat.

"Saya mengingatkan agar semua pihak sama ada pengusaha stesen minyak mahupun pengguna kenderaan motor asing untuk mematuhi larangan ini," katanya.

Armizan berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak akan bertolak ansur dengan individu, sindiket mahupun pengusaha yang terbabit dalam penyeludupan atau penyelewengan subsidi bahan api.

Dalam masa sama, beliau menyeru orang ramai supaya terus menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dengan menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan, selaras agenda KITA GEMPUR, bagi memastikan kepentingan rakyat terus dilindungi serta ketirisan subsidi dapat dibanteras.

Semalam, Armizan mempengerusikan mesyuarat bersama Bahagian Penguat Kuasa KPDN untuk memuktamad persiapan penguatkuasaan peluasan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing.

### Bekalan barangan asas cukup

Dalam perkembangan berkaitan, Armizan berkata, kerajaan turut memberi jaminan bekalan barang keperluan asas negara kekal mencukupi walaupun berdepan peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan ekoran konflik di Asia Barat.

Beliau berkata, jaminan itu dicapai hasil pengukuhan kerjasama di antara kerajaan dan industri peruncitan menerusi sesi libat urus bersama Malaysia Retail Association (MRA) yang juga pertubuhan utama kepada penggiat dalam sektor berkenaan.

"Agenda utama yang dibincangkan ialah isu berbangkit terkait konflik Asia Barat khususnya implikasi terhadap keterjaminan bekalan dan kestabilan harga.

"Melalui pengukuhan kerjasama di antara kerajaan dan industri, bekalan barang-barang keperluan asas yang diimport adalah mencukupi sungguhpun berhadapan dengan beberapa isu, khususnya peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 5

# Warga asing beli RON95 berdepan tindakan mula 1 April

**PETALING JAYA:** Bermula 1 April ini, tindakan penguatkuasaan terhadap larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing akan melibatkan pemandu atau pemilik kenderaan berkenaan.

Berbanding sebelum ini, kesalahan pembelian dan penjualan petrol RON95 hanya dikuat kuasa kepada pengusaha stesen minyak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, langkah itu merupakan pengukuhan kepada kerangka perundangan sedia ada bagi membanteras ketirisan subsidi bahan api.

Katanya, penguatkuasaan diperkasa melalui pelaksanaan Ops Tiris 4.0 secara bersepadu



ARMIZAN MOHD. ALI

khususnya di kawasan sempadan.

"Penguatkuasaan ini adalah susulan keputusan yang telah dibentangkan di Parlimen pada 29 Januari lalu.

"KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu, sindiket atau pengusaha yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan atau penyelewengan subsidi bahan api," katanya dalam kenyataan, semalam.

Armizan berkata, bekalan barangan keperluan asas negara mencukupi, meskipun berdepan cabaran peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan susulan konflik di Asia Barat.

Katanya, kerajaan akan terus memperkukuh kerjasama dengan industri peruncitan bagi memastikan kestabilan bekalan dan harga.

"Orang ramai turut digesa menjadi mata dan telinga kerajaan dengan menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan bahan api," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 8

# Larangan jual RON95 kenderaan asing 1 April

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan akan memperluaskan penguatkuasaan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing berkuat kuasa 1 April 2026.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, langkah itu merupakan pengukuhan kepada kerangka perundangan sedia ada yang sebelum ini hanya meletakkan kesalahan kepada pengusaha stesen minyak.

Beliau berkata, peluasan penguatkuasaan itu akan turut mencakupi pemandu atau pemilik kenderaan berpendaftaran asing yang didapati melanggar peraturan berkenaan.

"Peluasan ini adalah pengukuhan kepada kerangka perundangan sedia ada yang sebelum ini kesalahan hanya diletakkan kepada pengusaha stesen minyak.

"Berkuat kuasa 1 April 2026, kesalahan ini akan turut mencakupi pemandu atau pemilik kenderaan yang berpendaftaran asing," katanya menerusi kenyataan dalam media sosial semalam.

Menurut beliau, langkah itu adalah susulan daripada pembentangan yang dibuat di Parlimen pada 29 Januari lalu selaras dengan usaha kerajaan membanteras ketirisan subsidi bahan api.

Dalam pada itu, Armizan berkata, penguatkuasaan akan terus diperkasa melalui pelaksanaan OPS Tiris 4.0 (Bersepadu) khususnya di kawasan sempadan yang berisiko tinggi berlaku aktiviti penyeludupan.



> "Penguatkuasaan akan terus diperkasa melalui pelaksanaan OPS Tiris 4.0 (Bersepadu) khususnya di kawasan sempadan yang berisiko tinggi berlaku aktiviti penyeludupan."
>
> **ARMIZAN**

Beliau turut mengingatkan semua pihak termasuk pengusaha stesen minyak dan pengguna kenderaan asing supaya mematuhi larangan tersebut.

Katanya, kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu, sindiket atau pengusaha yang terlibat dalam aktiviti penyelewengan subsidi bahan api dan tindakan tegas akan diambil mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

Dalam masa sama, orang ramai diseru untuk menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa bagi membantu usaha membanteras jenayah penyeludupan bahan api.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 5

# Pemandu kenderaan asing berdepan tindakan

**Larangan pembelian dan penjualan RON95 diperluaskan dan berkuat kuasa mulai Rabu depan**

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN



Armizan mempengerusikan mesyuarat di pejabatnya pada Khamis.

**PUTRAJAYA** - Pemandu kenderaan berpendaftaran asing yang membeli petrol RON95 bakal berdepan tindakan undang-undang apabila larangan pembelian dan penjualan bahan bakar itu diperluaskan dan berkuat kuasa mulai Rabu depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya sedang memuktamadkan persiapan akhir penguatkuasaan peluasan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing.

Menurutnya, peluasan tersebut merupakan pengukuhan kepada kerangka perundangan sedia ada yang sebelum ini hanya meletakkan kesalahan kepada pengusaha stesen minyak.

"Berkuat kuasa 1 April 2026, kesalahan ini akan turut mencakupi pemandu atau pemilik kenderaan yang berpendaftaran asing," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Bahagian Penguat Kuasa KPDN bagi memuktamadkan persiapan akhir pelaksanaan dasar berkenaan.

Mengulas lanjut, Armizan menjelaskan, penguatkuasaan tersebut susulan daripada keputusan yang telah dibentangkan di Parlimen pada 29 Januari lalu.

Dalam masa sama, beliau berkata, agenda penguatkuasaan akan terus diperkasa melalui pelaksanaan OPS Tiris 4.0 (Bersepadu) bagi memastikan pematuhan peraturan tersebut seiring dengan peningkatan risiko ketirisan penyeludupan bahan api di kawasan sempadan susulan ketegangan konflik Asia Barat.

"Saya mengingatkan agar semua pihak sama ada pengusaha stesen minyak mahupun pengguna kenderaan motor asing mematuhi larangan ini.

"KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu, sindiket mahupun pengusaha yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan atau penyelewengan subsidi bahan api.

"Kegagalan mematuhi peraturan ini akan dikenakan tindakan tegas di bawah undang-undang yang berkuat kuasa," tegas beliau.

Armizan turut menyeru orang ramai untuk terus bersama-sama menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dengan menyalurkan aduan dan sebarang maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan melibatkan jenayah penyeludupan bahan api subsidi.

"Insya-ALLAH, dengan kerjasama semua pihak sejajar agenda KITA GEMPUR, kita akan terus memastikan kepentingan rakyat dilindungi & ketirisan dibanteras demi manfaat bersama," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



# Armizan: Stricter subsidised fuel enforcement starts in April

**PUTRAJAYA:** Final preparations are underway for the enforcement of the expanded ban on the purchase and sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (*pic*) said this expansion strengthens the existing legal framework under which offences were previously imposed solely on petrol station operators.

"Beginning April 1, the offence will also extend to drivers and owners of foreign-registered vehicles," he said in a Facebook post yesterday.

Armizan said the move follows a decision that was presented in Parliament on Jan 29.

He said the expanded enforcement is part of broader efforts to curb leakages and misuse of subsidised fuel, particularly at border areas.

The minister said enforcement would be intensified through the implementation of Ops Tiris 4.0 (Integrated) in response to heightened risks of fuel smuggling amid ongoing tensions in West Asia.

"We will not compromise with any individual, syndicate or operator involved in the smuggling or misuse of subsidised fuel. Strict action will be taken under existing laws," he said.

Earlier, Armizan said he had chaired a meeting with the enforcement division of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to finalise preparations for the expanded enforcement.

He also held an engagement session with the Malaysia Retailers Association where discussions centred on the impact of the West Asian conflict on supply security and price stability.

Despite challenges such as rising logistics and packaging costs, he said the supply of essential imported goods remains sufficient, supported by close cooperation between the government and industry players.

Armizan urged petrol station operators and users of foreign-registered vehicles to comply fully with the ban, warning that non-compliance would result in firm action.

He also called on the public to act as the government's "eyes and ears" by reporting any suspicious activities related to subsidised fuel smuggling.

"With the cooperation of all parties, we will continue to safeguard the interests of the people and combat leakages," he said.

TheStar

HARI: JUMAAT

TARIKH: 27/3/2026

M/SURAT: 16

# Safety risks in using plastic containers to transport petrol

WE are writing to express our deep concern regarding public safety and regulatory enforcement in light of the recent incident involving a man who was cleared of wrongdoing for filling plastic containers with RON95 petrol at a station in Bayan Lepas, Penang.

While the Domestic Trade and Cost of Living Ministry clarified that the individual was a fisherman with a valid permit, this explanation does little to alleviate the genuine safety risks such practices pose to the public.

The sight of plastic containers filled with petrol being transported in private vehicles is alarming. In our current scorching heat, each container effectively becomes a potential firebomb.

A minor accident or static discharge could lead to catastrophic consequences for the driver and other road users.

We would like the relevant authorities to address the following issues.

1. Safe dispensing methods: Should we not be mandating safe, controlled and approved containers with proper ventilation for transporting fuel? While fisherman may have permits, the method of storage and transport must be regulated to prioritise public safety over convenience.

2. Fuel diversion allegations: There are persistent, albeit unverified, stories of subsidised Malaysian fuel being diverted and sold at southern Thai ports. If true, this constitutes a massive leakage of national subsidies. We urge the relevant ministries to verify these claims and tighten monitoring at border areas.

3. Fish import safety: Equally troubling are allegations that Malaysian fishermen are returning with cheap Thai fish that were treated with formalin to appear fresh. This poses a direct health risk to Malaysian consumers. A formal verification process by the health and fisheries authorities is urgently needed to ensure that the fish on our tables is safe.

The recent incident has highlighted a loophole that prioritises permit status over road safety and subsidy integrity. We urge the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, marine police and the Fisheries Department to conduct a joint review and provide clear standard operating procedures to address these safety and economic concerns before a tragedy occurs.

**DR THEVA RAJ PONNUDURAI**
Seremban
**and DR MUSA MOHD NORDIN**
Petaling Jaya

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 5

THE EDGE

# Enforcement of extended RON95 ban on foreign vehicles to kick in April 1 — Armizan


Bernama

PUTRAJAYA (March 26): Enforcement of the ban on the purchase and sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles will take effect on April 1, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the move was a strengthening of the existing legal framework which previously only imposed offences on petrol station operators.

"Effective April 1, 2026, this offence will also include drivers or owners of foreign-registered vehicles," he said in a post on his Facebook page here on Thursday.

Armizan said the enforcement was a follow-up to the decision he presented in Parliament on Jan 29. He said the enforcement agenda would continue to be strengthened through the implementation of OPS Tiris 4.0 (Integrated) to ensure compliance with regulations and combat smuggling of subsidised fuel, especially in border areas following the tension in the Middle East conflict.

"I am reminding all parties, whether petrol station operators or foreign motor vehicle consumers, to comply with this ban," he said.

Armizan said KPDN would not compromise with any individual, syndicate or operator involved in smuggling or abuse of fuel subsidies.

At the same time, Armizan called on the public to continue to be the eyes and ears of the government by channelling information regarding suspicious activities, in line with the Kita Gempur agenda to ensure that the interests of the people continue to be protected and that subsidy leakage can be curbed.

Earlier, Armizan chaired a meeting with the Enforcement Division of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) to finalise preparations for the enforcement of the extension of the ban on the purchase and sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles.

In a related development, Armizan said the government also guaranteed that the country's supply of basic necessities would remain sufficient despite the increased costs of logistics and packaging materials due to the conflict in the Middle East.

He said the guarantee was achieved as a result of strengthening cooperation between the government and the retail industry through an engagement session with the Malaysia Retail Association (MRA), which is the main umbrella organisation for players in the sector.

"The main agenda discussed was the issues arising from the Middle East conflict, especially the implications for security of supply and price stability.

"Through strengthening cooperation between the government and the industry, the supply of imported basic necessities is sufficient despite facing several issues, especially increasing logistics costs and packaging materials," he said.

**Read also:** No RON95 subsidy for drivers whose licences expired for over three years — JPJ

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 1

Bagi membendung kegiatan mengumpul dan menyeludup

# Langkah baharu kawal diesel, petrol



Anwar



Armizan

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperkenalkan had baharu pembelian diesel di Sabah dan Sarawak sebagai sebahagian daripada langkah lebih ketat bagi membendung kegiatan mengumpul dan menyeludup bahan api bersubsidi susulan ketidaktentuan bekalan global.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata langkah itu melibatkan penetapan had pembelian bahan api bagi setiap transaksi.

Kenderaan ringan dihadkan kepada 50 liter, kenderaan di bawah tiga tan dihadkan kepada 100 liter, manakala kenderaan melebihi tiga tan dihadkan kepada 150 liter.

Beliau berkata langkah tersebut perlu bagi memastikan pengagihan diesel secara adil serta mengelakkan ketirisan.

"Tanpa pelarasan seperti ini, kita berdepan risiko peningkatan aktiviti mengumpul dan menyeludup, seperti yang pernah dikesan sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Kerajaan akan memperluas penguatkuasaan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing berkuat kuasa 1 April depan, sebagai langkah memperkukuh kawalan subsidi bahan api serta mengekang ketirisan di sempadan negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, peluasan itu merupakan pengukuhan kepada kerangka perundangan sedia ada yang sebelum ini hanya meletakkan kesalahan kepada pengusaha stesen minyak.

Menurutnya, melalui pelaksanaan baharu ini, kesalahan akan turut mencakupi pemandu atau pemilik kenderaan berpendaftaran asing yang didapati melanggar larangan berkenaan.

"Penguatkuasaan ini adalah susulan daripada keputusan yang telah saya bentangkan di Parlimen pada 29 Januari 2026 lalu yang bertujuan memastikan subsidi RON95 dinikmati sepenuhnya oleh rakyat tempatan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Bahagian Penguat Kuasa KPDN, di sini, Khamis.

Armizan berkata, agenda penguatkuasaan akan terus diperkasa menerusi pelaksanaan Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) susulan peningkatan risiko ketirisan dan penyeludupan bahan api, khususnya di kawasan sempadan susulan ketegangan Asia Barat ketika ini.

Beliau menegaskan bahawa pihak kementerian tidak akan berkompromi terhadap mana-mana individu, sindiket atau pengusaha yang terlibat dalam aktiviti penyelewengan subsidi bahan api.

"Kegagalan mematuhi peraturan ini akan dikenakan tindakan tegas di bawah undang-undang yang berkuat kuasa dan saya menyeru orang ramai untuk terus memainkan peranan sebagai mata dan telinga kerajaan dengan menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan," katanya.

Terdahulu, Armizan memberi jaminan bahawa kestabilan harga dan bekalan barangan keperluan asas yang diimport, kekal mencukupi meskipun berdepan cabaran seperti peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan susulan konflik Asia Barat.

Menurutnya, satu sesi libat urus dibuatbersama Malaysia Retail Association (MRA) bagi membincangkan isu berkaitan konflik Asia Barat serta implikasinya terhadap keterjaminan bekalan dan kestabilan harga.

Beliau berkata hasil kerjasama erat antara kerajaan dan industri, bekalan barangan keperluan asas yang diimport kekal mencukupi meskipun berdepan cabaran seperti peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan.

"Insya-Allah, dengan kerjasama semua pihak sejajar agenda Kita Gempur, kita akan terus memastikan kepentingan rakyat dilindungi serta ketirisan dapat dibanteras demi manfaat bersama," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 9

# Enforcement of RON95 on foreign vehicles starts on April 1 - Armizan

**PUTRAJAYA: Enforcement of the ban on the purchase and sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles will take effect on April 1, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.**

He said the move was a strengthening of the existing legal framework which previously only imposed offences on petrol station operators.

"Effective April 1, 2026, this offence will also include drivers or owners of foreign-registered vehicles," he said in a post on his Facebook page here yesterday.

Armizan said the enforcement was a follow-up to the decision he presented in Parliament on Jan 29.

He said the enforcement agenda would continue to be strengthened through the implementation of OPS Tiris 4.0 (Integrated) to ensure compliance with regulations and combat smuggling of subsidised fuel, especially in border areas following the tension in the Middle East conflict.

"I am reminding all parties, whether petrol station operators or foreign motor vehicle consumers, to comply with this ban," he said.



*Armizan said the government also guaranteed that the country's supply of basic necessities would remain sufficient despite the increased costs of logistics and packaging materials due to the conflict in the Middle East.*

Armizan said KPDN would not compromise with any individual, syndicate or operator involved in smuggling or abuse of fuel subsidies.

At the same time, Armizan called on the public to continue to be the eyes and ears of the government by channelling information regarding suspicious activities, in line with the KITA GEMPUR agenda to ensure that the interests of the people continue to be protected and that subsidy leakage can be curbed.

Earlier, Armizan chaired a meeting with the Enforcement Division of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) to finalise preparations for the enforcement of the extension of the ban on the purchase and sale of RON95 petrol to foreign-registered vehicles.

In a related development, Armizan said the government also guaranteed that the country's supply of basic necessities would remain sufficient despite the increased costs of logistics and packaging materials due to the conflict in the Middle East.

He said the guarantee was achieved as a result of strengthening cooperation between the government and the retail industry through an engagement session with the Malaysia Retail Association (MRA), which is the main umbrella organisation for players in the sector.

"The main agenda discussed was the issues arising from the Middle East conflict, especially the implications for security of supply and price stability.

"Through strengthening cooperation between the government and the industry, the supply of imported basic necessities is sufficient despite facing several issues, especially increasing logistics costs and packaging materials," he said. – Bernama

# Larangan penjualan RON95 bagi kenderaan asing mulai 1 April

PUTRAJAYA: Penguatkuasaan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 bagi kenderaan berpendaftaran asing akan diperluaskan mulai 1 April ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata langkah itu merupakan pengukuhan kepada kerangka perundangan sedia ada yang sebelum ini hanya meletakkan kesalahan kepada pengusaha stesen minyak.

"Berkuat kuasa 1 April 2026, kesalahan ini akan turut mencakupi pemandu atau pemilik kenderaan yang berpendaftaran asing," katanya menerusi hantaran di laman Facebook beliau kelmarin.

Armizan berkata penguatkuasaan itu adalah susulan daripada keputusan yang telah beliau bentangkan di Parlimen pada 29 Januari lepas.

Beliau berkata agenda penguatkuasaan akan terus diperkasa melalui pelaksanaan OPS Tiris 4.0 (Bersepadu) bagi memastikan pematuhan peraturan serta membanteras aktiviti penyeludupan dan penyelewengan subsidi bahan api, khususnya di kawasan sempadan susulan ketegangan konflik Asia Barat.



MESYUARAT .... Armizan mempengerusikan mesyuarat bersama Bahagian Penguat Kuasa KPDN untuk memuktamadkan persiapan akhir penguatkuasaan peluasan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing.

"Saya mengingatkan agar semua pihak sama ada pengusaha stesen minyak mahupun pengguna kenderaan motor asing untuk mematuhi larangan ini," katanya.

Armizan berkata KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu, sindiket mahupun pengusaha yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan atau penyelewengan subsidi bahan api.

Dalam masa sama, beliau menyeru orang ramai supaya terus menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dengan menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan, selaras agenda KITA GEMPUR bagi memastikan kepentingan rakyat terus dilindungi serta ketirisan subsidi dapat dibanteras.

Terdahulu, Armizan mempengerusikan mesyuarat bersama Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk memuktamadkan persiapan akhir penguatkuasaan peluasan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing.

Dalam perkembangan berkaitan, Armizan berkata kerajaan turut memberi jaminan bekalan barang keperluan asas negara kekal mencukupi walaupun berdepan peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan ekoran konflik di Asia Barat.

Beliau berkata jaminan itu dicapai hasil pengukuhan kerjasama antara kerajaan dan industri peruncitan menerusi sesi libat urus bersama Malaysia Retail Association (MRA) yang merupakan organisasi induk utama kepada pemain dalam sektor berkenaan.

"Agenda utama yang dibincangkan adalah isu-isu berbangkit terkait konflik Asia Barat khususnya implikasi terhadap keterjaminan bekalan dan kestabilan harga.

"Melalui pengukuhan kerjasama antara Kerajaan dan Industri, bekalan barang-barang keperluan asas yang diimport adalah mencukupi sungguhpun berhadapan dengan beberapa isu khususnya peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan," katanya.-Bernama.

Utusan Borneo online

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 7

# Penguatkuasaan larangan penjualan RON95 bagi kenderaan asing diperluas mulai 1 April

**PUTRAJAYA:** Penguatkuasaan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 bagi kenderaan berpendaftaran asing akan diperluaskan mulai 1 April ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata langkah itu merupakan pengukuhan kepada kerangka perundangan sedia ada yang sebelum ini hanya meletakkan kesalahan kepada pengusaha stesen minyak.

"Berkuat kuasa 1 April 2026, kesalahan ini akan turut mencakupi pemandu atau pemilik kenderaan yang berpendaftaran asing," katanya menerusi hantaran di laman Facebook beliau semalam.



Armizan berkata penguatkuasaan itu adalah susulan daripada keputusan yang telah beliau bentangkan di Parlimen pada 29 Jan lepas.

Beliau berkata agenda penguatkuasaan akan terus diperkasa melalui pelaksanaan OPS Tiris 4.0 (Bersepadu) bagi memastikan pematuhan peraturan serta membanteras aktiviti penyeludupan dan penyelewengan subsidi bahan api, khususnya di kawasan sempadan susulan ketegangan konflik Asia Barat.

"Saya mengingatkan agar semua pihak sama ada pengusaha stesen minyak mahupun pengguna kenderaan motor asing untuk mematuhi larangan ini," katanya.

Armizan berkata KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu, sindiket mahupun pengusaha yang terlibat dalam aktiviti penyeludupan atau penyelewengan subsidi bahan api.

Dalam masa sama, beliau menyeru orang ramai supaya terus menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dengan menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan, selaras agenda KITA GEMPUR bagi memastikan kepentingan rakyat terus dilindungi serta ketirisan subsidi dapat dibanteras.

Terdahulu, Armizan mempengerusikan mesyuarat bersama Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk memuktamadkan persiapan akhir penguatkuasaan peluasan larangan pembelian dan penjualan petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing.

Dalam perkembangan berkaitan, Armizan berkata kerajaan turut memberi jaminan bekalan barang keperluan asas negara kekal mencukupi walaupun berdepan peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan ekoran konflik di Asia Barat.

Beliau berkata jaminan itu dicapai hasil pengukuhan kerjasama antara kerajaan dan industri peruncitan menerusi sesi libat urus bersama Malaysia Retail Association (MRA) yang merupakan organisasi induk utama kepada pemain dalam sektor berkenaan.

"Agenda utama yang dibincangkan adalah isu-isu berbangkit terkait konflik Asia Barat khususnya implikasi terhadap keterjaminan bekalan dan kestabilan harga.

"Melalui pengukuhan kerjasama antara Kerajaan dan Industri, bekalan barang-barang keperluan asas yang diimport adalah mencukupi sungguhpun berhadapan dengan beberapa isu khususnya peningkatan kos logistik dan bahan pembungkusan," katanya. — Bernama

星洲日報
SIN CHEW DAILY
HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 3

# 內貿部：須特別准證
# 容器添油限20公升

（八打灵再也26日讯）国内贸易及生活费部强调，只有持有有效特别准证的人士，才获准使用容器添加汽油或柴油，而在紧急状况下，允许添加的油量限于20公升以下。

该部在社媒发帖，提醒民众遵守相关规定，以免受到法律制裁。

“符合申请特别准证资格的类别共有10种，即水上运输、偏远地区及岛屿居民、食品工业经营者、水上休闲活动、农牧业、紧急援助、维修保养、旅游业及小型建筑工程。”

欲申请有关特别准证者，可通过网站https://spb.kpdn.gov.my线上办理。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 內貿部長：禁售RON95
# 擴大向外國車執法

（八打灵再也26日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占宣布，下月1日起政府将扩大执行禁止向外国注册车辆出售RON95汽油的措施。

他补充，违例范围从油站业者，延伸至外国注册车辆的司机及车主。

他指出，这项措施是强化现有法律框架，相关决定已于1月29日在国会提呈。他说，此举旨在打击燃油补贴流失及滥用问题，尤其是针对边境地区，并配合当前中东紧张局势引起燃油走私增加的风险。

阿米占今日通过脸书发文表示，当局将通过“填补漏洞3.0综合行动”（Ops Tiris 3.0 Bersepadu）持续加强执法力度。

他强调，国内贸易及生活费部不会对任何涉及燃油走私或滥用补贴的个人、集团或业者妥协，违例者将依法受到严厉对付。

他呼吁油站业者及外国注册车辆使用者全面遵守禁令，并提醒公众充当政府“耳目”，举报任何与补贴燃油相关的可疑活动。

另一方面，阿米占今日与马来西亚零售协会（MRA）代表进行交流后指出，中东冲突对供应保障及价格稳定带来一定影响。

“不过在政府与业界密切合作下，进口基本必需品供应仍然充足，尽管面对物流及包装成本上涨等挑战。”

他说，政府将继续与业界加强合作，确保市场供应稳定及维护人民利益。

星洲日報
SIN CHEW DAILY
HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 6

## 内貿部：須特別准證
# 容器添油限20公升

（八打灵再也26日讯）国内贸易及生活费部强调，只有持有有效特别准证的人士，才获准使用容器添加汽油或柴油，而在紧急状况下，允许添加的油量限于20公升以下。

该部在社媒发帖，提醒民众遵守相关规定，以免受到法律制裁。

“符合申请特别准证资格的类别共有10种，即水上运输、偏远地区及岛屿居民、食品工业经营者、水上休闲活动、农牧业、紧急援助、维修保养、旅游业及小型建筑工程。”

欲申请有关特别准证者，可通过网站https://spb.kpdn.gov.my线上办理。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மலேசிய நண்பன்
மக்கள் ஏடு HARIAN TAMIL MALAYSIA NANBAN

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 1

# மக்களுக்கு பெரும் பாதிப்பு

# 300 லிட்டர் பெட்ரோல் சலுகை 200 லிட்டராக குறைக்கப்படும்

கோலாலம்பூர், மார்ச் 27- எண்ணெய் எரிபொருள் நெருக்கடியை தடுக்க மடானி அரசாங்கம் முன்கூட்டியே பாதுகாப்பு திட்டங்களை அறிவிப்பதாக பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ அன்வார் கூறினார்.

இதன் படி வரும் ஏப்ரல் மாதம் தொடங்கி பூடி 95 திட்டத்தின் கீழ் இதுவரை வழங்கப்பட்டு வரும் தனி நபர்களுக்கான 300 லிட்டர் பெட்ரோல் சலுகை 200 லிட்டராக குறைக்கப்படும் என்றார்.

பக்கம் 13




## முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

## பூடி 95 திட்டத்தின் கீழ்...

மேற்காசியாவில் நடைபெறுகின்ற போர் பதற்ற சூழலால் எழும் விளைவுகளை தடுக்க இந்த நடவடிக்கை மேற்கொள்ளப்படுகிறது.

தேசிய எண்ணெய் விநியோகத்தில் எந்த ஒரு பாதிப்பும் வராமல் இருக்கவும் பெரும்பான்மை எண்ணெய் பயனாளர்களின் தேவையை நிறைவு செய்யவும் அரசாங்கம் இதை செய்கிறது.

தற்போது இந்த எரிவாயு எண்ணெய் பிரச்சினையின் தாக்கம் நமக்கு குறைவாக இருந்தாலும் பொருத்திருந்து பார்ப்போம் என்ற அணுகு முறையை நாம் கையாள முடியாது.

தற்போது உலக சந்தையில் கச்சா எண்ணெய் பீப்பாய் ஒன்று 100 அமெரிக்க டாலரையும் கடந்திருக்கிறது.

இதனால் மலேசியாவின் அரசாங்க மானிய திட்டங்களின் உதவியில் சுமைகள் ஏற்படும். இவ்வாண்டு ஜனவரியில் ரோன் 95 பெட்ரோல் டீசலுக்கு மட்டும் 70 கோடி வெள்ளியை அரசாங்கம் செலவழித்துள்ளது.

பூடி 95 திட்டத்தின் கீழ் பெட்ரோல் லிட்டர் ஒன்று வெ. 1.99 காசுக்கு சலுகை விலையில் விற்கப்படும். அதே போல டீசல் லிட்டர் ஒன்று வெ. 2.15 காசாக நிலைநிறுத்தப்படும் என்றார் அவர்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மலேசிய நண்பன்
மக்கள் ஏடு HARIAN TAMIL MALAYSIA NANBAN
HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 3

# ரோன் 97, டீசல் விலைகள் உயர்வு



புத்ரா ஜெயா, மார்ச் 27-

பூடி 95 திட்டத்தின் கீழ் லிட்டர் வெ. 1.99க்கு விற்கப்பட்டு வரும் ரோன் 95 பெட்ரோலின் மானிய விலையை மலேசியா தொடர்ந்து நிலை நிறுத்தும். அதே சமயத்தில் உலக எண்ணெய் விலையின் கிடுகிடு உயர்வை தொடர்ந்து ரோன் 97 மற்றும் டீசல் விலைகளில் மாற்றங்கள் செய்யப்பட்டு உள்ளன.

மேற்காசியாவில் நீடித்து வரும் போர் காரணமாக கச்சா எண்ணெய் விலைகள் 40 % க்கும் மேல் உயர்ந்து பீப்பாய் 100 அமெரிக்க டாலருக்கும் மேல் தாண்டியுள்ளன.

இதனால் விநியோகத்தில் இடையூறுகள் ஏற்படும் ஆபத்து அதிகரித்துள்ளது.

தானியங்கி விலை நிர்ணய முறையின் கீழ் மார்ச் 26 லிருந்து ஏப்ரல் முதல் தேதி வரைக்கும் ரோன் 97 இன் விலை லிட்டர் வெ. 5.15 என்றும் மானியத்தொகை வழங்கப்படாத ரோன் 95 க்கான விலைவெ. 3.87 என்றும் தீபகற்ப மலேசியாவில் டீசலுக்கான விலை வெ. 5.52 என்றும் சபா சரவாக் மற்றும் லாபுவானில் டீசலுக்கான விலை வெ. 2.15 என்றும் நிர்ணிக்கப்பட்டுள்ளன.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மக்கள் ஓசை
TAMIL MAKKAL OSAI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 1



# 200 லிட்டராகக் குறைப்பு

பூடி95 மாதாந்திர பெட்ரோல் அளவு

விலை ரிம. 1.99ஆகத் தொடரும்

**புத்ராஜெயா, மார்ச் 27-**

**பூடி95 இலக்கிடப்பட்ட உதவித்திட்டத்தின் கீழ் ரோன்95 மாதாந்திர பெட்ரோல் அளவு 300 லிட்டரில் இருந்து 200 லிட்டராகக் குறைக்கப்படும் என பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ அன்வார் இப்ராஹிம் நேற்று அறிவித்தார்.**

ஏப்ரல் முதல் தேதியில் இருந்து இது நடப்புக்கு வருகிறது. நாட்டின் பெரும்பான்மை மக்கள் உதவித் தொகைக்குரிய பெட்ரோலைத் தொடர்ந்து வாங்குவதற்கு ஏதுவாக இந்த நடவடிக்கை எடுக்கப்பட்டிருக்கிறது.

பக்கம் 13

## முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

### பூடி95 மாதாந்திர ...

மேற்காசியாவில் தொடரும் பதற்றநிலையைக் கருத்தில் கொண்டு அரசாங்கம் இந்த முடிவை எடுத்திருக்கிறது. பூடி95 திட்டத்தின் கீழ் விற்கப்படும் ரோன்95 பெட்ரோலின் விலை ஒரு ரிங்கிட் 99 காசாக நிலைநிறுத்தப்படும் என்றும் பிரதமர் தெரிவித்தார்.

மேற்காசிய மோதல் காரணமாக உலகளவில் எண்ணெய்ச் சந்தையில் நிச்சயமற்றத்தன்மை ஏற்பட்டிருக்கிறது. உலகப் பொருளாதாரத்திலும் நிச்சயமற்றத்தன்மை தலைதூக்கி இருக்கிறது என்றும் இதைக் கருத்தில் கொண்டு அரசாங்கம் இந்த முடிவை எடுத்திருக்கிறது என்றும் அவர் குறிப்பிட்டார்.

பூடி95 திட்டத்தின் கீழ் வழங்கப்படும் ரோன்95 பெட்ரோல் போதுமான அளவு பயன்படுத்தப்படுகிறதா என்பது பற்றி நாங்கள் ஆய்வு செய்திருக்கிறோம். அதில் பூடி95 பெட்ரோல் பயனீடு மாதம் சராசரியாக 100 லிட்டராகத்தான் இருக்கிறது. பெரும்பான்மை மக்கள் மாதம் 100 லிட்டர் ரோன்95 பெட்ரோலைத்தான் பயன்படுத்துகின்றனர்.

90 விழுக்காட்டினர் மாதம் 200 லிட்டருக்கும் குறைவாகவே இந்தப் பெட்ரோலைப் பயன்படுத்துவதும் கண்டறியப்பட்டது. ஆகவே மாதம் 200 லிட்டராக பெட்ரோலைக் குறைப்பதால் அவர்களுக்கு எந்தப் பாதிப்பும் ஏற்படாது என்றும் அவர் சொன்னார். இது தற்காலிக முடிவுதான் எனவும் அவர் விவரித்தார்.

நேற்று மாலை தனது சிறப்புச் செய்தியில் அவர் இந்த அறிவிப்பை வெளியிட்டார்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: JUMAAT
TARIKH: 27/3/2026
M/SURAT: 19



MAMAT (kiri) membantu pelanggannya memilih pelbagai jenis sayur-sayuran di gerainya di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/BAHAROM BAKAR

# Harga sayur dijangka meningkat sehingga 50%

**Kuala Terengganu:** Harga sayur dijangka meningkat sehingga 50 peratus jika harga minyak terutama diesel gagal ditangani berikutan konflik di Asia Barat.

Pemborong dan peniaga sayur, Mamat Embong, 73, berkata, kenaikan harga barangan asas itu dijangka meningkat secara berperingkat antara 30 peratus dan 50 peratus bulan depan.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini harga sayur masih lagi stabil dan tiada kenaikan mendadak sepanjang Ramadan dan sambutan hari raya Aidilfitri.

"Pemborong dan peniaga tidak akan menaikkan harga barangan asas terbabit sesuka hati melainkan pembekal utama daripada negara jiran dan Cameron Highlands naikkan harga," katanya ketika ditemui di Pasar Cabang Tiga di sini, semalam.

Tinjauan di pasar itu mendapati sawi dijual pada harga RM10 sekilogram, timun antara RM2 dan RM3 sekilogram, kubis (RM4), tomato (RM7 sekilogram) kangkung RM6 sekilogram, kacang panjang RM10 sekilogram, cili kecil RM14 sekilogram dan daun sup RM8 sekilogram.

Mamat yang juga bekas penjaga gol pasukan bola sepak Terengganu pada era 90-an berkata, kenaikan harga minyak susulan konflik di Asia Barat bukan sahaja akan memberi kesan kenaikan harga sayur, malah turut meningkat adalah barangan keperluan asas lain.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 27 MAC 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 27-Mar | Larangan pembelian RON95 diperluas, pemandu kenderaan berpendaftaran asing turut dikenakan tindakan mulai 1 April | https://www.buletintv3.my/nasional/larangan-pembelian-ron95-diperluas-pemandu-kenderaan-berpendaftaran-asing-turut-dikenakan-tindakan-mulai-1-april/ | BULETIN TV3 |
| 27-Mar | OPS Tiris 4.0 gempur aktiviti seludup bahan bakar bersubsidi | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/03/26/ops-tiris-4-0-gempur-aktiviti-seludup-bahan-bakar-bersubsidi | FREE MALAYSIA TODAY |
| 27-Mar | Bekalan barangan keperluan asas import mencukupi - KPDN | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/03/1525635/bekalan-barangan-keperluan-asas-import-mencukupi-kpdn | BERITA HARIAN |
| 27-Mar | Food supply stable, no need for panic buying’ | https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/food-supply-stable-no-need-for-panic-buying/ | THE SUN |
| 27-Mar | Selangor lindungi pengguna, perketat pemantauan harga barangan | https://www.suarakeadilan.my/post/selangor-lindungi-pengguna-perketat-pemantauan-harga-barangan | SUARA KEADILAN |
| 27-Mar | Fuel supply at petrol stations nationwide remains sufficient, says petrol dealers group | https://www.nst.com.my/news/nation/2026/03/1403880/fuel-supply-petrol-stations-nationwide-remains-sufficient-says-petrol | NEW STRAITS TIMES |
| 27-Mar | KPDN: Special permit required for fuel purchases in containers above 20 litres | https://dayakdaily.com/kpdn-special-permit-required-for-fuel-purchases-in-containers-above-20-litres/ | DAYAK DAILY |
| 27-Mar | KPDN Kelantan tingkat kekerapan pemeriksaan di stesen minyak | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kelantan-tingkat-kekerapan-pemeriksaan-di-stesen-minyak/ | BERITA RTM |
| 27-Mar | Hanya pemegang permit khas sah dibenar isi petrol, diesel dalam bekas, tong - KPDN | https://www.sinarharian.com.my/article/773042/berita/nasional/hanya-pemegang-permit-khas-sah-dibenar-isi-petrol-diesel-dalam-bekas-tong---kpdn | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Mar | Hanya pemegang permit khas sah dibenar isi petrol, diesel dalam bekas atau tong - KPDN | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/03/1525826/hanya-pemegang-permit-khas-sah-dibenar-isi-petrol-diesel-dalam-bekas | BERITA HARIAN |
| 27-Mar | Hanya pemegang permit khas boleh isi minyak dalam tong - KPDN | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/03/1337981/hanya-pemegang-permit-khas-boleh-isi-minyak-dalam-tong-kpdn | HARIAN METRO |
| 27-Mar | Hanya pemegang permit khas sah dibenar isi petrol, diesel dalam bekas atau tong – KPDN | https://utusansarawak.com.my/hanya-pemegang-permit-khas-sah-dibenar-isi-petrol-diesel-dalam-bekas-atau-tong-kpdn/ | UTUSAN SARAWAK |
| 27-Mar | Hanya pemegang permit khas sah dibenar isi petrol, diesel dalam bekas atau tong - KPDN | https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2537990 | BERNAMA |
| 27-Mar | Perlu permit khas isi petrol, diesel dalam tong: KPDN | https://www.dailyexpress.com.my/news/278355/perlu-permit-khas-isi-petrol-diesel-dalam-tong-kpdn/ | DAILY EXPRESS |
| 27-Mar | Only holders of valid special permits can fill petrol, diesel in containers | https://www.nst.com.my/news/nation/2026/03/1404288/only-holders-valid-special-permits-can-fill-petrol-diesel-containers | NEW STRAITS TIMES |
| 27-Mar | KPDN Johor mohon individu tular isi RON95 dalam tong tampil bantu siasatan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/03/1337910/kpdn-johor-mohon-individu-tular-isi-ron95-dalam-tong-tampil-bantu-siasatan | HARIAN METRO |
| 27-Mar | KPDN Johor mohon individu isi RON95 dalam tong tampil bantu siasatan | https://www.sinarharian.com.my/article/773003/edisi/johor/kpdn-johor-mohon-individu-isi-ron95-dalam-tong-tampil-bantu-siasatan | SINAR HARIAN |
| 27-Mar | KPDN Johor Mohon Dua Individu Terlibat Kes Isi RON95 Tampil Bantu Siasatan | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2537905 | BERNAMA |
| 27-Mar | KPDN Johor minta individu tular isi RON95 tampil bantu siasatan | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-johor-minta-individu-tular-isi-ron95-tampil-bantu-siasatan/ | BULETIN TV3 |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Mar | Enforcers tracking down duo caught on camera filling subsidised RON95 into container in car boot | https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/03/26/enforcers-tracking-down-duo-caught-on-camera-filling-subsidised-ron95-into-container-in-car-boot | THE STAR |
| 27-Mar | Kawalan RON95 diperkukuh, bendung ketirisan subsidi | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kawalan-ron95-diperkukuh-bendung-ketirisan-subsidi/ | BERITA RTM |
| 27-Mar | Bekalan barangan keperluan asas import mencukupi - KPDN | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/03/1525635/bekalan-barangan-keperluan-asas-import-mencukupi-kpdn | BERITA HARIAN |
| 27-Mar | Barangan keperluan asas import mencukupi – Armizan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/barangan-keperluan-asas-import-mencukupi-armizan/ | BERITA RTM |
| 27-Mar | Penguatkuasaan larangan penjualan RON95 bagi kenderaan asing diperluas mulai 1 April | https://www.tvsarawak.my/2026/03/26/penguatkuasaan-larangan-penjualan-ron95-bagi-kenderaan-asing-diperluas-mulai-1-april/ | TV SARAWAK |
| 27-Mar | Pemandu kenderaan asing beli RON95 berdepan tindakan undang-undang mulai Rabu depan | https://www.sinarharian.com.my/article/772981/berita/nasional/pemandu-kenderaan-asing-beli-ron95-berdepan-tindakan-undang-undang-mulai-rabu-depan | SINAR HARIAN |
| 27-Mar | Larangan RON95 diperluas kepada kenderaan asing mulai 1 April | https://utusansarawak.com.my/larangan-ron95-diperluas-kepada-kenderaan-asing-mulai-1-april/ | UTUSAN SARAWAK |
| 27-Mar | Ban on RON95 purchase for foreign-registered vehicles starts April 1, says Armizan | https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/03/26/preparations-underway-for-ron95-ban-on-foreign-registered-vehicles-says-armizan | THE STAR |
| 27-Mar | RON95 ban on foreign vehicles kicks in April 1 as govt tightens fuel subsidy controls, says Armizan | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2026/03/26/ron95-ban-on-foreign-vehicles-kicks-in-april-1-as-govt-tightens-fuelsubsidy-controls-says-armizan/213993 | MALAY MAIL |
| 27-Mar | Penguatkuasaan larangan penjualan RON95 bagi kenderaan asing diperluas mulai 1 April | https://www.utusanborneo.com.my/2026/03/26/penguatkuasaan-larangan-penjualan-ron95-bagi-kenderaan-asing-diperluas-mulai-1-april | UTUSAN BORNEO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 27-Mar | Penguatkuasaan larangan penjualan RON95 bagi kenderaan asing diperluas mulai 1 April | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penguatkuasaan-larangan-penjualan-ron95-bagi-kenderaan-asing-diperluas-mulai-1-april | ASTRO AWANI |
| 27-Mar | Penguatkuasaan Larangan Penjualan RON95 Bagi Kenderaan Asing Diperluas Mulai 1 April | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2537837 | BERNAMA |
| 27-Mar | Kesalahan larangan beli, jual petrol RON95 diperluas kepada pemandu, pemilik kenderaan asing bermula 1 April - Armizan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/03/1525645/kesalahan-larangan-beli-jual-petrol-ron95-diperluas-kepada-pemandu | BERITA HARIAN |
| 27-Mar | Warga asing beli RON95 berdepan tindakan mula 1 April | https://www.utusan.com.my/top/2026/03/warga-asing-beli-ron95-berdepan-tindakan-selepas-1-april/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 27-Mar | Enforcement of extended RON95 ban on foreign vehicles to kick in April 1 — Armizan | https://theedgemalaysia.com/node/797486 | THE EDGE MALAYSIA |
| 27-Mar | Malaysia to enforce RON95 ban on foreign vehicles from April 1 | https://thesun.my/news/malaysia-news/malaysia-to-enforce-ron95-ban-on-foreign-vehicles-from-april-1/ | THE SUN |
| 27-Mar | RON95 ban on foreign vehicles to be enforced from April 1 | https://www.nst.com.my/news/nation/2026/03/1404118/ron95-ban-foreign-vehicles-be-enforced-april-1 | NEW STRAITS TIMES |
| 27-Mar | Rising diesel costs, subsidy delays squeeze bus operators | https://www.nst.com.my/news/nation/2026/03/1404122/rising-diesel-costs-subsidy-delays-squeeze-bus-operators | NEW STRAITS TIMES |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT